

31 JUL 2003

Merdeka-Sambutan

PROGRAM MENARIK DISEDIAKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Sambutan Hari Kemerdekaan yang julung kalinya akan diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini akan dipenuhi dengan pelbagai program sampingan selain perarakan dan pertunjukan bunga api.

Timbalan Pengarah Perhubungan Awam dan Pelancongan Perbadanan Putrajaya, Norhazifa Mohamed berkata antara program yang diatur ialah pertandingan memasak, pertandingan mengubah sirih junjung, pertandingan memancing, pameran dan demonstrasi kraftangan, Merdeka Cycle Hunt serta demonstrasi masakan dan jualan kuih-muih tradisional.

Program-program itu dirancang agar sambutan kali ini bersifat 'lebih mesra' dan bertujuan memperkenalkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan selain merapatkan hubungan masyarakat dan pengunjung dari luar.

"Acara pembukaan akan dimulakan dengan perasmian Taman Warisan Pertanian pada 16 Ogos dan diikuti dengan Pesta Makanan dan Buah-buahan. Ini akan diikuti pelbagai program yang telah diatur dari 16 hingga 1 Sept depan," katanya kepada pemberita dalam taklimat ringkas mengenai sambutan berkenaan.

Norhazifa berkata tema sambutan kali ini masih dikekalkan iaitu 'Keranamu Malaysia' yang akan mengenengahkan kejayaan pembangunan negara khususnya dari tahun 1981 hingga ke hari ini.

Katanya, acara kemuncak sambutan Ambang Merdeka pada 30 Ogos akan diadakan di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya 1, Presint 8, merangkumi persembahan kebudayaan tradisional dan moden diikuti pertunjukan bunga api.

Menurutnya pameran sejarah kemerdekaan selama tiga hari bermula 30 Ogos yang akan diadakan di Dewan Serbaguna Presint 16 bertujuan memberi pendedahan kepada generasi muda tentang era pembangunan di bawah kepimpinan empat Perdana Menteri termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perarakan Hari Kebangsaan ke-46 yang akan disertai kira-kira 20,000 peserta pula akan diadakan di kawasan Boulevard sepanjang 4.2km dan selebar 1km yang meliputi empat dataran iaitu Dataran Gemilang, Dataran Putrajaya, Dataran Rakyat dan Dataran Wawasan.

"Kita menjangkakan tidak akan ada masalah dari segi pengangkutan awam di sini memandangkan perbadanan sedang berbincang untuk menambah kekerapan bas dan ERL. Kita juga menyediakan tempat meletak kenderaan yang mencukupi," katanya.

Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan pada 1 Mac 1996 merupakan pihak berkuasa tempatan di situ yang mentadbir, mengurus dan membangunkan kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

-- BERNAMA

SHI MOZ